



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	29/3/2012

# Umno perlu buka pintu: Tun M

Sinar Harian - 29/3/2012

*Sekat profesional sertai parti sebabkan kebanyakan doktor masuk Pas*

MELAKA - Kepimpinan di peringkat bahagian serta cawangan Umno perlu membuka pintu seluas-luasnya untuk golongan profesional cerdik pandai menyertai parti itu dan seterusnya diketengahkan sebagai calon pada Pilihan Raya Umum (PRU).

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berpendapat parti itu kini mempunyai masalah ketandusan pemimpin gara-gara kepimpinan di peringkat bahagian serta cawangan yang menyekat kemasukan golongan profesional ke dalam Umno.

"Umno dah berpuluh-puluh tahun tak bagi orang pandai masuk Umno, sebab itu kebanyakan doktor masuk Pas.

"Ini akhirnya menyukarkan Umno mencari calon sesuai bagi menentukan kemenangan dalam pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Simposium Budaya Global anjuran Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, yang juga Pengerusi Umno Melaka.

**“Umno dah berpuluh-puluh tahun tak bagi orang pandai masuk Umno, sebab itu kebanyakan doktor masuk Pas.”**

**Mahathir**



Bekas Presiden Umno itu berkata, parti itu harus mengamalkan meritokrasi dalam pemilihan pemimpin untuk bertanding dalam PRU, termasuk calon luar parti, bagi menentukan kemenangan,

bukan calon di peringkat tertinggi bahagian sahaja.

"Kita nak orang berbakat dan berkebolehan (bertanding), barulah kita boleh dirikan kerajaan yang berwibawa," katanya sambil mengakui se-

katan golongan profesional menyertai Umno berlaku semasa beliau menjadi pemimpin parti itu.

Dr Mahathir berkata, kepimpinan Umno harus sedar bahawa kemenangan dalam sesuatu pilihan raya itu ditentukan oleh pengundi yang bukannya ahli Umno.

"Kalau semua ahli Umno mengundi Barisan Nasional (BN) pun tak cukup untuk mencapai kemenangan. Dia (BN) kena dapat sokongan orang luar daripada Umno, baru calon itu boleh menang," katanya.

Beliau berkata, Umno hari

ini tidak memberi peluang kepada orang luar yang terdiri daripada golongan cerdik pandai itu kerana keengganan ahli Umno di bahagian itu sendiri untuk menyokong calon seperti itu.

"Sepatutnya kita terima calon yang baik ini, sama ada mereka anggota parti atau tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada masa depan, Umno mesti merestui golongan profesional dan cerdik pandai menyertai parti itu dan tidak seperti pada masa kini di mana mereka disekat daripada menyertainya. - Bernama